

PENGUATKUASAAN KE ATAS PENCEROBOHAN TANAH AKTIVITI PASIR
DI ATAS TANAH KERAJAAN

MUHAMMAD AMMAR SEE BIN ABDULLAH

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi
Sebahagian daripada syarat penganuerahan Ijazah
Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah)

Fakulti Alam Bina Dan Ukur
Universiti Teknologi Malaysia

JANUARI 2020

DEDIKASI

Jutaan penghargaan dan terima kasih ditujukan buat isteri saya, Siti Zubaidah binti Adabi atas keizinan, toleransi dan pengorbanan sepanjang saya melanjutkan pengajian di peringkat sarjana ini. Terima kasih kerana memahami tuntutan ilmu ini.

Buat anak-anak tersayang yang terpaksa bertoleransi dengan masa untuk bersama. Semoga hasil ini dapat memberi inspirasi dan menyuntik semangat kalian apabila meningkat dewasa dan mengharungi cabaran kehidupan yang mendarat.

Buat ibu bapa tercinta – Mendiang Rose Chin dan See Leong Seng, salam penuh kerinduan. Buat adik-beradik tercinta yang sentiasa memberi sokongan, semangat dan bantuan sepanjang mendepani cabaran dalam perjalanan pengajian sarjana ini.

Buat semua sahabat dan teman seperjuangan yang dikasihi, terima kasih atas semua sokongan, bantuan dan suntikan semangat yang diberikan tanpa mengira masa dan ketika.

Semoga Allah jua yang membala jasa baik kalian semua dengan segala kebaikan.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, segala puji dan syukur hanya bagi Allah Tuhan sekalian alam, selawat dan salam junjungan ke atas Nabi Muhammad SAW. Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjangkan ke hadrat Allah s.w.t di atas segala limpah dan kurnia serta dengan izin-Nya, penulisan ini telah berjaya disiapkan. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Penyelia saya iaitu Dr. Norhidayah binti Md. Yunus yang paling banyak memberikan bimbingan, panduan dan galakan sepanjang penyediaan penulisan ini. Terima kasih atas suntikan semangat dan dorongan semasa mendepani cabaran dalam menyiapkan penulisan ini. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada Penyelaras Program Sarjana Sains (Pentadbiran dan Pembangunan Tanah) iaitu Dr. Siti Radiaton Adawiyah binti Zakaria dan semua pensyarah-pensyarah yang telah mencerahkan ilmu kepada saya dengan penuh komited, ikhlas dan sabar.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya atas bantuan yang diberikan kepada saya dari awal hingga tamat pengajian sarjana ini. Tidak dilupakan juga Perbadanan Putrajaya, Ibu Pejabat Polis Putrajaya atas kerjasama yang diberikan. Selain itu, ucapan terima kasih juga kepada semua responden yang terlibat dalam penulisan ini iaitu Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya, Ibu Pejabat Polis Putrajaya dan Perbadanan Putrajaya. Segala kerjasama dan komitmen yang diberikan amat dihargai sama ada secara langsung ataupun tidak langsung.

Buat rakan-rakan seperjuangan MSc LAD Pesisir Kuala Lumpur 2018-2020 iaitu saudara Nazrul Shukri Ali, Muhammad Aiman Bin Basri dan Hafez Bin Abdul Aziz tanpa kehadiran dan semangat kalian pastinya perjalanan ini sukar untuk ditempuhi. Semoga segala jasa dan pertolongan kalian dibalas oleh Allah dengan segala kebaikan dan rahmatNya.

ABSTRAK

Pencerobohan tanah Kerajaan sentiasa menjadi satu isu penting yang perlu ditangani segera kerana kegagalan pentadbiran tanah untuk mengatasinya akan dilihat sebagai satu kegagalan di pihak Kerajaan keseluruhannya. Kewujudan teknologi maklumat berkonsepkan dunia tanpa sempadan pada hari ini menjadikan isu pencerobohan semakin rumit untuk ditangani kerana sebarang tindakan keras diambil oleh pihak kerajaan terhadap penceroboh akan dimanipulasi bagi mendapatkan simpati masyarakat, manakala penangguhan tindakan akan dilihat sebagai satu bentuk kompromi terhadap penceroboh yang mencemarkan integriti dan nama baik agensi penguatkuasa. Sehubungan itu, kajian yang dilaksanakan ini cuba mengenalpasti kaedah pelaksanaan penguatkuasaan terhadap pencerobohan tanah kerajaan, isu dan permasalahan yang dihadapi dalam perlaksanaan proses berkenaan terhadap kerajaan negeri; dan tindakan-tindakan yang telah diambil untuk mengatasi isu dan permasalahan berkenaan. Kaedah temubual terhadap responden-responden yang dikenalpasti telah berjaya mengenalpasti isu dan permasalahan berkenaan seperti perjawatan, kemudahan peralatan, proses kerja dan perundangan, dasar dan polisi, faktor manusia, pihak yang mengambil kesempatan dan penggunaan nama VIP. Beberapa strategi dan tindakan telah diambil bagi menangani isu yang timbul seperti kolaborasi pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu melibatkan pelbagai agensi, perkongsian dan guna sama peralatan dan kemudahan, semakan semula peruntukan dalam perundangan, dasar dan polisi, penetapan pusingan kerja dan tempoh berkhidmat, semakan dan tapisan permohonan yang lebih teliti serta program pendidikan dan kesedaran yang lebih kerap. Beberapa cadangan penambahbaikan turut dikemukakan pada penghujung kajian ini seperti memberi Lesen Pendudukan Sementara kepada Perbadanan Putrajaya yang diharap dapat mengatasi isu dan permasalahan sedia ada dengan lebih efisien.

ABSTRACT

Government land invasion has always been an important issue that needs to be addressed immediately as failure of land administration to address it will be seen as a failure on the part of the Government as a whole. The existence of borderless world-class information technology today makes the issue of aggression more difficult to deal with because any action taken by the government against intruders will be manipulated to gain public sympathy, while postponement of action will be seen as a form of compromise against intruders that tarnish their integrity and name good enforcement agencies. In this regard, the present study seeks to identify ways of implementing enforcement on government land intrusion, issues and issues encountered in implementing the process against the state government; and the actions taken to address these issues and concerns. Interviews with identified respondents have successfully identified issues and concerns such as recruitment, equipment, work and legal processes, policies and policies, human factors, opportunity and use of VIP names. Several strategies and actions have been taken to address issues such as collaborative monitoring and enforcement of collaboration involving various agencies, sharing and sharing of equipment and facilities, review of legislative provisions, policies and policies, work cycle setting and tenure, review and refinement. More careful applications and more frequent education and awareness programs. Several suggestions for improvement were also made at the end of this study, such as granting a Temporary Occupation License to the Putrajaya Corporation which is expected to address existing issues and issues more efficiently.

SENARAI KANDUNGAN

| | TAJUK | MUKA SURAT |
|--|--------------|-------------------|
| PENGAKUAN | | iii |
| DEDIKASI | | iv |
| PENGHARGAAN | | v |
| ABSTRAK | | vi |
| ABSTRACT | | vii |
| SENARAI KANDUNGAN | | viii |
| SENARAI JADUAL | | xi |
| SENARAI RAJAH | | xii |
| SENARAI SINGKATAN | | xiv |
| SENARAI LAMPIRAN | | xiv |
| | | |
| BAB 1 PENGENALAN | | 1 |
| 1.1 Latar Belakang Kajian | | 1 |
| 1.2 Pernyataan Masalah | | 3 |
| 1.3 Matlamat Kajian | | 4 |
| 1.4 Objektif Kajian | | 4 |
| 1.5 Skop Kajian | | 5 |
| 1.6 Metodologi Kajian | | 6 |
| 1.7 Kepentingan Kajian | | 9 |
| 1.8 Susunatur Bab | | 12 |
| | | |
| BAB 2 PENCEROBOHAN TANAH KERAJAAN DAN PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN UNDANG- UNDANG | | 15 |
| 2.1 Pendahuluan | | 15 |
| 2.2 Definisi Pencerobohan Tanah Kerajaan dan Penguatkuasaan Undang-Undang | | 16 |
| 2.3 Jenis-Jenis Tanah Kerajaan | | 19 |
| 2.4 Pencerobohan Tanah Kerajaan | | 22 |

| | | |
|--------------|---|-----------|
| 2.5 | Kaedah Mengenalpasti Punca Serta Penyelesaian Penguatkuasaan Bagi Pencerobohan Tanah Pasir Di Atas Tanah Kerajaan | 26 |
| 2.6 | Definisi Penguatkuasaan Undang-Undang | 31 |
| 2.7 | Rumusan | 33 |
| BAB 3 | KAWASAN KAJIAN PENCEROBOHAN DI PRESINT 20, PUTRAJAYA | 35 |
| 3.1 | Pendahuluan | 35 |
| 3.2 | Latar Belakang Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya | 38 |
| 3.3 | Latar Belakang Kajian Kes Pencerobohan Di Presint 20, Wilayah Persekutuan Putrajaya | 39 |
| 3.4 | Kronologi Operasi Bersepadu, Pemantauan Dan Penguatkuasaan Di Tapak Presint 20, Wilayah Persekutuan Putrajaya | 42 |
| 3.5 | Hasil daripada operasi bersepadu Di Presint 20, Wilayah Persekutuan Putrajaya | 42 |
| 3.6 | Cara Mengatasi Dengan Kaedah Lesen Pendudukan Sementara | 48 |
| 3.7 | Kesimpulan | 57 |
| BAB 4 | ANALISIS KAJIAN | 59 |
| 4.1 | Pendahuluan | 59 |
| 4.2 | Kaedah Pengumpulan Data | 63 |
| 4.3 | Analisis Data | 63 |
| 4.4 | Hasil Analisis Kajian | 64 |
| 4.5 | Tindakan Yang Dilaksanakan Untuk Mengatasi Isu Dan Permasalahan | 67 |
| 4.6 | Analisis Tindakan Yang Dilaksanakan Untuk Mengatasi Isu Dan Permasalahan | 70 |
| 4.7 | Rumusan | 71 |
| BAB 5 | CADANGAN DAN KESIMPULAN | 73 |
| 5.1 | Pendahuluan | 73 |
| 5.2 | Penemuan Hasil Kajian | 74 |
| 5.3 | Cadangan Kajian | 75 |

| | | |
|----------------|--------------------------|-----------|
| 5.4 | Limitasi Kajian | 78 |
| 5.5 | Permasalahan Kajian | 79 |
| 5.6 | Cadangan Kajian Lanjutan | 80 |
| 5.7 | Kesimpulan | 81 |
| RUJUKAN | | 83 |

SENARAI JADUAL

| NO. JADUAL | TAJUK | MUKA SURAT |
|-------------------|--|-------------------|
| Jadual 3.1 | Maklumat Tanah Di Presint 20 Yang Telah Dicerobohi | 41 |
| Jadual 4.1 | Senarai Responden Yang Ditemubual, Jawatan Dan Agensi Diwakili | 62 |
| Jadual 4.2 | Tindakan Penyelesaian Untuk Mengatasi Isu Dan Permasalahan | 68 |

SENARAI RAJAH

| NO. RAJAH | TAJUK | MUKA SURAT |
|------------------|--|-------------------|
| Rajah 1.1 | Carta Alir Metodologi Kajian | 9 |
| Rajah 3.1 | Peta Wilayah Persekutuan Putrajaya Yang Menunjukkan Lokasi Di Setiap Present | 37 |
| Rajah 3.2 | Carta Organisasi PPTGWPPj | 39 |
| Rajah 3.3 | Peta Wilayah Persekutuan Yang Menunjukkan Tapak Di Presint 20 Yang Telah Dicerobohi | 41 |
| Rajah 3.4 | Pegawai PTGWPPj dan SPRM membuat serbuan | 43 |
| Rajah 3.5 | Kesan korekan tanah dan kecurian pasir | 43 |
| Rajah 3.6 | Jentera-jentera yang telah dirampas | 44 |
| Rajah 3.7 | Pegawai Petempatan PPTGWPPj dan Penguatkuasa PPj bergilir-gilir untuk menjaga barang rampasan di tapak | 44 |
| Rajah 3.8 | Serbuan dibuat ke atas tapak yang diceroboh | 45 |
| Rajah 3.9 | Pegawai serta agensi yang terlibat dalam Operasi bersepadu | 45 |
| Rajah 3.10 | Tapak yang dikawal selia | 46 |
| Rajah 3.11 | ‘Signboard’ amaran di kawasan tapak tentang larangan menceroboh di atas Tanah Kerajaan | 46 |
| Rajah 3.12 | Hasil daripada operasi bersepadu bersama agensi telah selesai | 47 |

SENARAI SINGKATAN

| | | |
|----------|---|---|
| KTN | - | Kanun Tanah Negara |
| PPTGWPPj | - | Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya |
| PPj | - | Perbadanan Putrajaya |
| SPRM | - | Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia |
| PDRM | - | Polis Diraja Malaysia |
| PPTn | - | Penolong Pegawai Tanah |
| UTM | - | Universiti Teknologi Malaysia |
| PTD | - | Pejabat Tanah Dan Daerah |
| PICC | - | Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya |
| PjH | - | Putrajaya Holdings |
| PBN | - | Pihak Berkuasa Negeri |
| JKPTG | - | Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian |
| JKTWP | - | Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan |
| MJKTWp | - | Mesyuarat Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan |
| LPS | - | Lessen Pendudukan Sementara |
| PBN | - | Pihak Berkuasa Negeri |
| GIS | - | Sisten Maklumat Geografi |
| KLIA | - | Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur |
| ASP | - | Asisten Superitenden Polis |
| PT(PO) | - | Pembantu Tadbir (Perkeranian Dan Operasi) |

SENARAI LAMPIRAN

| LAMPIRAN | TAJUK | MUKA SURAT |
|-----------------|--|-------------------|
| Lampiran A | Borang Temubual | 83 |
| Lampiran B | Kronologi Penguatkuasaan Yang Dijalankan | 87 |

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kegiatan pencerobohan tanah kerajaan adalah isu yang sentiasa hangat diperkatakan dalam bidang pentadbiran tanah di Malaysia khususnya di pejabat tanah. Ianya merupakan satu masalah dan dilema yang diwarisi sejak negara mencapai kemerdekaan sehingga sekarang. Kegiatan pencerobohan akan menjelaskan kecekapan dan keutuhan pentadbiran tanah di negara ini. Selain itu, ia juga merugikan negara secara keseluruhannya. Ianya merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang yang hampir kesemua rakyat di negara ini mengetahuinya, namun ianya juga merupakan kesalahan yang paling kerap berlaku dibandingkan dengan kesalahan-kesalahan lain yang tersenarai di dalam perundangan tanah Malaysia.

Menteri Tanah dan Koperasi, Datuk Osu Sukam memberi kenyataan bahawa sebanyak 73,089 hektar tanah kerjaan di Malaysia kecuali Melaka telah diceroboh secara haram samada digunakan untuk pertanian, penempatan, sebagai bengkel dan sebagainya. Hal ini begitu membimbangkan sekiranya tidak ditangani dengan tegas pasti ada pihak yang akan beranggapan bahwa kerajaan seperti mersetui kegiatan pencerobohan tersebut. Tambahan lagi, terdapat makolumat yang mengatakan kegiatan pencerobohan turut melibatkan kakitangan kerajaan. Tindakan yang kini diambil adalah dengan hanya memasang papan tanda sebagai amaran laranagan menceroboh tanah tersebut (Utusan Malaysia, 18 Julai 2001)

Mengikut Seksyen 425, Kanun Tanah Negara 1965 pencerobohan tanah kerajaan boleh ditakrifkan sebagai sebarang bentuk pendudukan tidak sah di atas tanah kerajaan, tanah rizab atau tanah perlombongan. Ini merangkumi segala aktiviti menduduki atau membina bangunan, membersih, membajak, menggali, mengepungi

atau menanam; dan memotong atau memindah apa-apa kayuan atau hasil di atas atau dari mana-mana tanah berkenaan. Sebarang bentuk pencerobohan seperti mana dinyatakan di atas adalah suatu kesalahan di sisi undang-undang dan jika disabitkan, boleh dikenakan denda yang tidak melebihi RM 500,000, atau dipenjarakan untuk suatu tempoh yang tidak melebihi 5 tahun.

Pencerobohan ke atas tanah Kerajaan adalah suatu masalah yang perlu diatasi dengan tegas dan cepat oleh semua pihak terutamanya pihak penguatkuasa yang berkaitan. Pencerobohan yang berterusan akan menjelaskan kecekapan pentadbiran tanah di Malaysia serta merugikan Negara juga secara keseluruhannya (Asiah, 2006). Contoh keratan kenyataan akhbar bertajuk aktiviti kecurian pasir yang tidak terkawal boleh menyebabkan Malaysia akan menanggung kerugian kira-kira RM157.5 juta setahun (Mstar, 2010). Ini penting bagi mengatasi masalah pencerobohan maka pelaksanaan penguatkuasaan adalah kaedah bagi menangani kelemahan ini. Selain itu, kesedaran pihak kerajaan juga perlu diwujudkan berhubung dengan kerugian tentang aktiviti pencerobohan yang berlaku. Tanpa kesedaran dan inisiatif berterusan, masalah pencerobohan tanah kerajaan ini akan berterusan menjadi sebuah masalah besar Negara.

Memang tidak dapat dinafikan apabila menyentuh mengenai isu pencerobohan, segala bentuk kerugian hasil tanah dan kelemahan sistem pentadbiran sering kali dilihat daripada sudut pihak Kerajaan yang menanggung kerugian berkenaan. Hal ini dapat dilihat di Cameron Highlands. Dimana, kita sedia maklum bahawa Cameron Highlands merupakan sebuah tempat yang menjadi tempat buangan pengganas komunis. Hal yang demikian menyebabkan pihak Kerajaan meletakkan pasukan Komando untuk memantau kegiatan mereka semua. Apabila pihak Komando berada disana kita dapati bekas-bekas pengganas ini telah meletak senjata. Namun mereka akan memegang cangkul kerana tidak berperang. Mereka akan memotong pokok dan membuka hutan-hutan baru bagi tujuan penanaman (Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara, 19 Disember 2016) Justeru itu, pihak Kerajaan dan agensi-agensi penguatkuasaan di bawahnya sering berhadapan dengan dilema di antara rasa simpati dan tanggungjawab yang dipikul dalam melaksanakan

amanah yang telah diberikan oleh golongan masyarakat keseluruhannya untuk menghalang pencerobohan ini.

1.2 Penyataan Masalah

Aktiviti pencerobohan telah mencemarkan pandangan terutama di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan iaitu Wilayah Persekutuan Putajaya kerana terdapat bangunan setinggi langit yang tersergam indah dan diselangi pula aktiviti pencerobohan tanah Kerajaan yang mencacatkan pandangan dan imej Wilayah Persekutuan Putrajaya itu sendiri. Ketidakseragaman pembangunan jelas dapat dilihat serta membuktikan kepada umum akan kepincangan dalam pemantauan di kawasan ini. Selain itu, kawasan yang diceroboh ini juga kerap di katakan sebagai pusat punca pelbagai masalah sosial.

Sebagai contoh, sebidang tanah Kerajaan berkeluasan 21 hektar di Presint 20, telah dijadikan sebagai lombong pasir secara haram oleh sindiket yang dipercayai meraih keuntungan hampir RM10 juta sejak tiga tahun yang lalu. Lombong pasir haram tersebut terletak bersebelahan kawasan rizab Pusara Negara dengan kesan pencerobohan dapat dilihat dari Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Ianya terletak anggaran dalam 1.5 kilometer dari PICC. Kegiatan itu telah dapat di kesan dalam operasi bersepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Putrajaya. Hasil daripada risikan telah menunjukkan bahawa sindiket perlombongan pasir terbabit adalah melibatkan bekas banduan. Pemantauan sebelum serbuan mendapati, sekurang-kurangnya 50 lori dengan keupayaan membawa muatan hingga 30 tan, keluar masuk mengangkut pasir. Pasir tersebut dipercayai telah dijual kepada pihak pemaju dan kontraktor binaan di sekitar kawasan Dengkil dan Sepang dengan harga yang lebih murah daripada harga di pasaran, membuatkan mereka mendapat permintaan yang tinggi. Pulangan tinggi daripada kegiatan itu menjadikan sindiket tersebut turut mengupah tonto dan menawarkan suapan kepada anggota penguatkuasa dalam usaha melindungi kegiatan haram itu. Jurucakap PTG juga mengesahkan bahawa kawasan seluas 1.2 hektar

daripada tanah yang diceroboh itu sudahpun diluluskan untuk pembinaan lapang sasar tetapi belum lagi dibangunkan (Berita Harian, 12 Februari 2016).

Oleh itu, kajian ini perlu dilaksanakan dengan teliti dalam mengetahui masalah yang terjadi disebalik pencerobohan tanah Kerajaan. Masalah tersebut akan diperhalusi untuk mendapatkan penyelesaian yang terbaik dalam membasmi kegiatan ini. Kegiatan pecerobohan turut menjadi punca kepada kegagalan PBN dalam melaksanakan pembangunan seperti yang telah di rancang ke atas tanah atau tapak. Secara tidak langsung, kegagalan PBN telah membuka peluang kepada pihak yang tidak bertanggugjawab untuk menjalankan kegiatan haram mereka di atas tanah tersebut. Maka, pihak Kerajaan seharusnya peka dalam mencari kaedah terbaik untuk mengatasi masalah ini dengan segera dalam menjadikan Wilayah Persekutuan Putrajaya maju seperti selaras dengan pelan Rancangan Struktur Putrajaya 2025.

1.3 Matlamat Kajian

Matlamat kajian ini adalah untuk mengkaji secara mendalam lagi mengenai kajian penguatkuasaan pencerobohan pasir di Presint 20, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Hasil kajian diperhalusi dan diharapkan dapat digunakan oleh pihak terlibat sebagai rujukan pada masa hadapan.

1.4 Objektif Kajian

Terdapat dua objektif kajian yang diberi penekanan dalam memastikan matlamat kajian dapat dicapai sepenuhnya. Objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Mengenalpasti punca-punca pencerobohan tanah aktiviti pasir di atas tanah Kerajaan.
- ii. Mengkaji kaedah penyelesaian penguatkuasaan bagi pencerobohan tanah aktiviti pasir di atas tanah Kerajaan.

1.5 Skop Kajian

Memandangkan kajian ini adalah untuk mengenalpasti kaedah terbaik dalam menangani masalah pencerobohan tanah pasir di atas tanah Kerajaan di Wilayah Persekutuan Putrajaya maka kajian ini akan lebih tertumpu kepada pencerobohan tanah kerajaan bagi aktiviti pasir di kawasan Wilayah Persekutuan Putrajaya sahaja. Tanah yang di ceroboh adalah tanah kerajaan dan tidak termasuk tanah milik persendirian.

Kajian ini akan menekankan fokus dari sudut perancangan dan kajian kemungkinan projek yang tidak meliputi pelaksanaan projek sebenar. Kawasan kajian hanya tertumpu pada aktiviti pasir haram yang terletak di atas tanah Kerajaan di Presint 20, Wilayah Persekutuan Putrajaya. Selain itu, belum ada satu kajian khusus mengenai tindakan penguatkuasaan terhadap tanah yang telah diceroboh oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di Presint 20, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Kajian ini dilaksanakan di PTGWPPj memandangkan pihak tersebut merupakan wakil PBN yang menjalankan penguatkuasaan di Wilayah Persekutuan itu. Faktor pemilihan kawasan kajian ini adalah berdasarkan kepada kepesatan pembangunan dengan pelbagai projek perumahan, komersial dan perindustrian yang berlaku di kawasan tersebut. Kebanyakan pemilik tanah di Wilayah Persekutuan Putrajaya dimiliki oleh tiga pemilik iaitu Perbadanan Putrajaya, Pesuruhjaya Tanah Persekutuan dan Putrajaya Holding (PjH).

1.6 Metodologi Kajian

Dalam melaksanakan kajian ini, terdapat dua objektif kajian yang ingin dicapai. Carta Alir metodologi kajian boleh dirujuk dalam Rajah 1.2. Metodologi kajian yang dirangka adalah untuk mencapai objektif yang ditetapkan bagi kajian ini.

1.6.1 Peringkat kajian Awalan

Kajian di peringkat ini adalah berkisar tentang kefahaman asas berkaitan kajian, mengenalpasti isu dan masalah kajian, membentuk matlamat dan objektif kajian, menentukan skop kajian dan metodolgi kajian.

1.6.2 Peringkat Kajian Literatur

Kajian literatur adalah kajian ke atas data-data sekunder berkaitan seperti dasar yang berkaitan dengan pencerobohan tanah dengan mengambil kira pihak-pihak berkuasa yang terlibat dalam menangani masalah pencerobohan di Putrajaya. Selain itu turut diterangkan mengenai proses-proses yang terlibat serta akta-akta yang berkaitan.

1.6.3 Peringkat Pengumpulan Data

Terdapat dua kaedah pengumpulan data yang digunakan di dalam peringkat pengumpulan data iaitu:

- i. Data Primer

Bagi pengumpulan data primer, melibatkan pengumpulan data secara terus ke atas kawasan kajian iaitu Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, di mana merupakan kawasan pencerobohan tanah dijalankan. Selain itu, maklumbalas dan

pandangan golongan yang terlibat melalui maklum balas temubual kepada 5 orang wakil pihak berkuasa terlibat yang terdiri daripada Pegawai di PTGWPPj, Pegawai daripada JKPTG, Pegawai dari Perbadanan Putrajaya, Pegawai Polis dan Pegawai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

ii. Data Sekunder:

Data sekunder adalah menyokong kepada data primer. Pengumpulan data sekunder adalah berdasarkan daripada keratan akhbar, artikel-artikel yang lepas , jurnal-jurnal berkaitan dan sebagainya yang selari dengan kajian. Terdapat juga maklumat dan laporan berkaitan kajian yang diperolehi daripada Perbadanan Putrajaya (PPj), Pejabat Tanah Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya (PTGWPPj) serta agensi-agensi kerajaan yang berkaitan. Maklumat daripada sumber-sumber ini digunakan bagi mengenalpasti dan menganalisis isu berkaitan kajian ini.


1.6.4 Peringkat Analisis Data

Peringkat ini adalah peringkat analisis data yang berkaitan bagi mencapai keseluruhan objektif kajian yang ditetapkan akan dikumpulkan dengan menggunakan kaedah analisis secara kualitatif. Kedua-dua objektif kajian dicapai setelah maklumat atau data tersebut dikumpulkan melalui kaedah temubual dengan pegawai penguatkuasa yang terlibat dalam membentras pencerobohan tanah di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Analisis data di terangkan dalam bentuk huraihan, rajah dan jadual. Data yang diperoleh dianalisis dengan teliti bagi mendapatkan jawapan kepada objektif yang telah digariskan. Seterusnya melalui analisis kajian juga dapat menghasilkan satu penemuan kajian bagi mencapai objektif kajian.

1.6.5 Peringkat Penemuan kajian

Peringkat menerangkan tentang hasil yang diperolehi daripada kajian yang dijalankan digunakan bagi mendapatkan penemuan-penemuan terbaru dalam penyelesaian kepada permasalahan yang terjadi. Seterusnya pengkaji akan mengemukakan beberapa cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak yang terlibat bagi memastikan keberkesanan kajian yang diperolehi. Hasil rumusan juga akan dianalisa untuk menghasilkan satu penemuan yang terbaik supaya matlamat dan objektif kajian dapat dicapai.



Rajah 1.1 Carta Alir Metodologi Kajian

1.7 Kepentingan Kajian

Kepentingan kajian ini dijalankan untuk memberi pengetahuan kepada pelbagai pihak seperti yang dibawah:

- a) PTGWPPj, Agensi Kerajaan atau pegawai-pegawai yang terlibat tentang keuntungan yang sepatutnya diperolehi oleh pihak Kerajaan Persekutuan hasil dari pembangunan yang sepatutnya dijalankan ke atas tanah pencerobohan yang berpotensi untuk dibangunkan.
- b) Orang awam berhubung dengan kegiatan pencerobohan yang berlaku serta turut sama membantu pihak Kerajaan Persekutuan menyelesaikan masalah yang dihadapi kerana ianya bukan sahaja merugikan pihak Kerajaan malah turut memberi kesan kepada masyarakat setempat dan juga negara.
- c) Pihak-pihak lain yang ingin mendalami ilmu pengetahuan berhubung dengan permasalahan yang berkaitan dengan pencerobohan tanah untuk masa sekarang dan masa hadapan.

1.7.1 Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan

Kajian ini diharap dapat membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN) iaitu Jawatankuasa Kerja Tanah Wilayah Persekutuan (JKTWP) akan pencerobohan tanah yang berlaku di Wilayah Persekutuan Putrajaya. Melalui hasil analisis data yang diperoleh digunakan untuk menggubal dasar dan pekeliling berkaitan bagi meningkatkan lagi kecekapan dan tahap kefahaman pentadbiran tanah. Selain itu, strategi dan pendekatan yang lebih menyeluruh dapat dirancang dan dilaksanakan bagi mengatasi kelemahan penguatkuasaan sedia ada.

1.7.2 Pentadbir Tanah

Melalui kajian ini, Pentadbir Tanah diharap dapat memahami dan menjadikan kajian ini sebagai panduan dan asas penambahbaikan kepada kaedah sedia ada dalam penguatkuasaan pentadbiran tanah. Selain itu, Pentadbir Tanah juga boleh mempertimbangkan dan seterusnya melaksanakan cadangan-cadangan yang

diberikan dalam kajian ini bagi mengatasi masalah pencerobohan tanah kerajaan yang semakin tidak terkawal.

1.7.3 Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya

Pejabat Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya (PTGWPP) diharap dapat mengenalpasti masalah-masalah dan punca yang wujud seperti kelemahan penguatkuasaan dalam mengatasi masalah pencerobohan. Selain itu, dasar atau garis panduan yang perlu digubal dalam mengenalpasti dan menentukan kaedah yang sesuai dalam penyelesaian pencerobohan yang semakin berleluasa terutama di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Wilayah Persekutuan Putrajaya yang boleh memberi implikasi negatif kepada negara. Mengenalpasti langkah yang boleh meningkatkan hasil untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri merancang kemajuan dan pembangunan dengan lebih efektif untuk kepentingan rakyat.

1.7.4 Perbadanan Putrajaya

Kajian ini diharap dapat meningkatkan kaedah pemantauan oleh pihak Perbadanan Putrajaya melalui pemantauan berkala memandangkan PPj adalah Pihak Berkuasa Tempatan yang diberi kuasa untuk memantau sebarang aktiviti-aktiviti di Wilayah Persekutuan Putrajaya.

1.7.5 Ahli Akademik dan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi

Pihak berkepentingan dalam kajian ini adalah ahli akademik dan pelajar institusi pengajian tinggi. Diharapkan kajian ini dapat membantu para ahli akademik memahami punca-punca berlakunya pencerobohan tanah Kerajaan lebih terperinci. Setelah punca dikenalpasti, kaedah penyelesaian terhadap permasalahan tersebut dapat dilaksanakan seterusnya dapat mengatasi masalah pencerobohan yang tidak di kawal. Secara tidak langsung ia dapat dijadikan sebagai bahan bacaan ilmiah kepada pelajar Kursus Pentadbiran dan Pembangunan Tanah.

1.8 Susunatur Bab

Kajian ini mempunyai enam peringkat utama yang diperlukan bagi menyiapkan keseluruhan kajian ini secara tersusun dan teratur. Berikut adalah peringkat kajian yang dijalankan:

i. Bab Satu

Bab satu adalah bab pengenalpastian isu utama berhubung tajuk kajian bagi mendapatkan gambaran sebenar kajian yang akan dibuat. Perkara-perkara yang dimasukkan di dalam bab ini adalah pengenalan, penyataan masalah, pembentukan matlamat, objektif, kepentingan kajian dan susunatur bab.

ii. Bab Dua

Bab dua adalah bab menerangkan tentangkajian literatur. Peringkat ini merupakan peringkat pengumpulan maklumat dan data yang diperoleh dari pelbagai sumber yang sahih. Kupasan mengenai kajian lepas yang dibuat oleh penyelidik terdahulu turut diterangkan bagi menyokong kajian yang dilakukan dan mendapatkan maklumat tambahan. Dalam bab ini juga diterangkan mengenai punca berlakunya pencerobohan tanah Kerajaan. Definisi-definisi

yang berkaitan turut diperjelaskan supaya maksud sebenar setiap definisi tersebut dapat difahami.

iii. Bab Tiga

Peringkat ini akan menerangkan kawasan kajian iaitu Laporan Pencerobohan di Presint 20, Putrajaya, peranan dan fungsi Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya terutamanya Unit Penguatkuasaan akan diterangkan dengan menyeluruh dan pengurusan mengatasi masalah pencerobohan di Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya.

iv. Bab Empat

Pada peringkat ini, pengkaji akan menjelaskan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini. Maklumat dan data yang diperolehi melalui kaedah temu bual akan di analisis dan disusun merujuk kepada kesesuaian kajian dan seterusnya memperoleh hasil kajian

v. Bab Lima

Bab lima ini adalah mengenai cadangan dan kesimpulan yang dijelaskan secara keseluruhan mengenai kajian. Pada peringkat ini pengkaji membuat kesimpulan secara keseluruhan berdasarkan penemuan kajian. Bab ini juga akan menyenaraikan cadangan kajian lanjutan supaya pengkaji lain dapat meneruskan kajian ini.

RUJUKAN

Amir Fadli bin Mohamed Helmi.(Jun 2019) Penjenamaan semula Penguatkuasaan Permit Pemindahan Bahan Batuan Melalui Inisiatif Penguatkuasaan Berasaskan Inovasi

Definisi tanah sumber laman Web:<http://www.instun.gov.my/index.php/ms/muat-turun-2/penerbitan/buku-program-instun-2009-1/perundangan-tanah-1/242-berimilik> <http://ptg.perak.gov.my/contents/isutanah/Pelupusansiri7.pdf>

Definisi Tanah sumber daripada Laman Web:http://www.hbp.usm.my/aziz/Undang2_tanah

Dr. Hajah Asiah (2006), Implikasi Pencerobohan Tanah Kerajaan: Kajian Kes Bandaraya Johor Bahru.

Instun Siri 8/2007, Kesalahan-Kesalahan Di Bawah Kanun Tanah Negara Dan Penguatkuasaan

Isahak.(2004).Ke Arah Pengurusan Tanah Bertaraf Dunia.NRE.

Kanun Tanah Negara (1965) cetakan sehingga 15 Februari 2013. *International Laws Book Services.*

Kaedah-Kaedah Tanah Wilayah Persekutuan Putrajaya (2010). Warta Kerajaan Persekutuan.

Kabinet.(2016).Penyata Rasmi Parlimen Dewan Negara Malaysia.

Pemakaian Peruntukan Perlembagaan Persekutuan Sumber Daripada Perlembagaan Persekutuan Sumber Laman

Web:<http://www.kptg.gov.my/sites/files/article/perlembagaanpersekituan>

Ridzan Hanan (2018). Program Pemutihan Penceroboh Tanah Kerajaan Oleh Pengusaha Tanah Pertanian di Cameron Highland.

Salleh Buang. (1992). Malaysian national land code (amendment) (Act A832)